



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**TEKS PERUTUSAN
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

BERSEMPENA DENGAN

**SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN KALI
KE-55 TAHUN 2026**

**TARIKH:
16 MEI 2026**

**TEMA HARI GURU
“GURU BITARA NADI NEGARA”**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat meraikan Hari Guru pada tahun ini. Ucapan Selamat Hari Guru ditujukan kepada seluruh warga pendidik yang terus berbakti mendidik dan membentuk generasi masa hadapan. Tanggal 16 Mei menjadi simbol penghargaan kepada guru yang bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi membina jati diri dan potensi anak-anak Malaysia ke arah kecemerlangan.

TEMA HARI GURU

2. Tema sambutan Hari Guru tahun ini, **Guru Bitara Nadi Negara** merupakan satu gagasan yang mencerminkan peranan guru bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi pembina masa depan negara. Guru bitara melambangkan keunggulan profesionalisme, keteladanan dan integriti, manakala “nadi negara” menggambarkan peranan penting guru sebagai penggerak utama kemajuan dan kesejahteraan negara.

TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

3. Guru merupakan nadi utama yang menggerakkan kejayaan pelaksanaan dasar dan reformasi pendidikan negara. Selaras dengan semangat tema **Guru Bitara Nadi Negara**, peranan pendidik terus diperkukuh sebagai pemacu kesinambungan agenda reformasi pendidikan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 kepada Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035. Reformasi ini hanya dapat direalisasikan melalui tenaga pendidik yang berkeupayaan tinggi, progresif dan berorientasikan masa hadapan.

4. Sehubungan itu, menerusi pelaksanaan strategi dan prakarsa di bawah Teras Strategik 3 RPM 2026–2035, Kementerian Pendidikan komited memperkasa profesionalisme dan kompetensi guru secara menyeluruh yang merangkumi aspek pembangunan diri, kesejahteraan, kepimpinan serta budaya penyelidikan dan inovasi agar guru terus relevan sebagai nadi pendidikan dalam melahirkan generasi berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berakhlak demi kemajuan dan kemampanan negara.

5. Sistem pendidikan negara terus beranjak dengan dinamika melalui reformasi yang progresif dan dinamik. Hal ini dibuktikan melalui pencapaian cemerlang SPM 2025 yang mencatatkan keputusan terbaik dengan Gred Purata Kebangsaan (GPK) 4.42 berbanding 4.49 pada tahun sebelumnya. Kejayaan ini mencerminkan berkatnya usaha semua pihak. Inilah iltizam dan tekad Kementerian Pendidikan dalam memastikan pentaksiran dilaksana secara telus dan berintegriti, seiring aspirasi Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035 yang memperkukuh kualiti pendidikan secara holistik.

6. Langkah penting yang telah dilaksanakan KPM adalah seperti penataran Kurikulum Prasekolah 2026 yang melibatkan lebih 10,000 orang guru prasekolah termasuk guru pendidikan khas. Usaha ini akan diteruskan melalui penataran Kurikulum Persekolahan 2027 bagi Tahun 1 dan Tingkatan 1 yang melibatkan seramai 187,052 orang guru bagi memastikan pelaksanaan kurikulum baharu berjalan dengan berkesan di semua sekolah.

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

7. Pada masa yang sama, Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) memainkan peranan penting dalam melahirkan pemimpin sekolah yang

berkualiti. Pada tahun 2025, seramai 1,610 orang peserta telah berjaya menamatkan program ini, iaitu jumlah tertinggi sejak tahun 2021.

8. Kerajaan terus memperkukuh ekosistem TVET melalui peruntukan **RM7.9 bilion dalam Belanjawan 2026** bagi meningkatkan kerjasama industri, latihan teknologi tinggi dan kemahiran digital, selain peruntukan **RM8 juta bagi Geran Per Kapita (PCG) TVET** untuk menaik taraf fasiliti amali selaras dengan standard industri. Usaha ini merapatkan jurang antara kemahiran murid dan keperluan industri serta membuktikan bahawa pemerkasaan TVET terus memperkukuh pendidikan berasaskan kemahiran dan pembangunan modal insan negara.

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

9. KPM komited memastikan akses pendidikan yang inklusif dan bermutu kepada semua murid tanpa mengira latar belakang. Sehingga Januari 2026, sebanyak **3,352 buah sekolah atau 45.5 peratus** telah dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU. Manakala peluasan prasekolah mencatatkan **403 buah kelas baharu sehingga 2025** dan **350 buah kelas tambahan pada 2026** bagi memperluas akses pendidikan awal. Usaha ini mencerminkan hakikat bahawa peranan guru itu sebagai nadi

utama pendidikan negara dan selaras dengan tema Hari Guru, **Guru Bitara Nadi Negara.**

10. Selain itu, pelanjutan **Dasar Pendidikan Wajib hingga peringkat menengah** yang diluluskan pada tahun 2025 memperkukuh peluang pendidikan untuk semua. Aspek keselamatan dan kesejahteraan murid turut dipertingkatkan melalui pemasangan **333 unit CCTV di sekolah asrama terpilih** fasa 2 yang kini dalam pelaksanaan. Yang sekaligus memastikan persekitaran pembelajaran lebih selamat, kondusif dan diyakini oleh ibu bapa serta komuniti.

KEJAYAAN GURU DAN MURID

11. Saya dengan penuh rasa bangga ingin merakamkan ucapan tahniah atas pelbagai kejayaan warga pendidik negara sepanjang tahun 2025. Antara pengiktirafan antarabangsa yang diterima ialah Anugerah Princess Maha Chakri Tahun 2025 oleh cikgu Mohd Rosnizam bin Mohd Yusoff dari Kolej Vokasional Teluk Intan yang sekaligus menyerlahkan keunggulan profesion keguruan Malaysia di persada dunia.

12. Dalam masa yang sama, kecemerlangan murid turut terserlah apabila Malaysia dinobatkan sebagai **Juara Keseluruhan WorldSkills ASEAN Manila 2025**. Pencapaian ini merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap kualiti, kecekapan dan daya saing murid TVET KPM di peringkat serantau. Kejayaan memperoleh pingat emas, perak dan gangsa dalam pelbagai bidang kemahiran adalah bukti keberkesanan ekosistem TVET KPM. Selain itu, peserta daripada Kolej Vokasional Kajang iaitu Nuraisyah binti Azlin telah menyertai Worldskills Asia Taipei dan meraih **Pingat Emas** bagi bidang *Automobile Technology*. Kejayaan ini membuktikan bahawa hasil bimbingan guru yang berdedikasi telah melahirkan murid yang bukan sahaja mahir, tetapi juga berdaya saing dan mampu menyerlah di peringkat global.

PENUTUP

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

13. Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga pendidik atas segala usaha, komitmen dan dedikasi dalam mendidik anak bangsa. Sesungguhnya, guru bukan sekadar penyampai ilmu tetapi merupakan insan yang membentuk masa depan negara. Dalam menggalas amanah ini, setiap guru perlu menyemarakkan **Nyala**

Rasa yang penuh keikhlasan, cinta pada bangsa dan negara serta tanggungjawab sebagai kekuatan utama dalam melahirkan generasi yang cemerlang, seimbang dan sejahtera.

14. Inilah hakikat **Guru Bitara Nadi Negara**. Setiap sentuhan hati seorang guru bukan sahaja membentuk seorang murid tetapi turut melakar masa depan negara dengan penuh harapan dan makna.

Terima kasih Cikgu!

Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

16 Mei 2026